

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI KOLEJ
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO) :
PELAKSANAAN DAN HARAPAN

KAMAL BIN ALI

RUT BT DOUNI

IRENE TIURMA SIAGIAN



PTTACU
PERPUSTAKAAN

JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121082 6

70382



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES

**JUDUL : PERKHIDMATAN UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING
KOLEJ UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN (KUiTTHO) :
PELAKSANAAN DAN HARAPAN.**

SSESI PENGAJIAN : 2000/2001

KAMI : KAMAL BIN ALI, IRENE TIURMA SIAGIAN DAN RUT BT DOUNI

Mengaku membenarkan kajian kes ini disimpan di perpustakaan KUiTTHO dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian ini adalah hak milik KUiTTHO.
2. Perpustakaan KUiTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

Tandatangan penulis :

1. 
2. 
3. 

Disahkan oleh :



(Tandatangan Penyelea)

PM Dr Zulkifli Mohamed

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan :

Nama Penyelia : PM Dr Zulkifli Mohamed

Tarikh :

23/07/01.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI KOLEJ UNIVERSITI
TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO) : PELAKSANAAN DAN
HARAPAN.**

**Kajian Penyelidikan ini Dikemukakan Kepada Jabatan Pendidikan Teknik dan
Vokasional Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

Sebagai

**Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana
Pendidikan (Teknikal)**



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Disediakan Oleh :

Kamal Bin Ali	MT00 1047
Rut Bt Douni	MT00 1093
Irene Tiurma Siagian	MT00 1167

16 MAC 2001

PENGAKUAN PENYELIDIK

“Kami mengakui bahawa karya yang bertajuk “Perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling KUiTTHO : Pelaksanaan dan Harapan” adalah projek kajian hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasa yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 1.


(Kamal Bin Ali)

2.


(Irene Tiurma Siagian)

3.


(Rut Bt Douni)

Tarikh : 15 Mac 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



DEDIKASI

Bingkisan Ilmu Ini Istimewa Untuk

Ayahanda Tercinta,

Bonda Tersayang,

Ahli Keluarga Yang Dikasihi.

Doakan Anakanda Dalam Perjuangan

Jasa Dan Sokongan Yang Diberi Tidak Terbalas.

Terima Kasih Atas Segalanya.

Tidak Lupa Buat Penyelia, PM Dr Zulkifli Mohamed.

Budi Dan Pengorbananmu Mengiringi Perjuangan Ini

Teman-Teman Seperjuangan Tersayang.

Sokongan Dan Persahabatan Yang Terbina

Terpahat Dalam Ingatan Dan Semoga Kekal Selamanya.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya telah dapat kami sempurnakan kertas kajian ini bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada PM Dr Zulkifli Mohamed selaku penyelia kertas kajian ini di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada kami dalam melaksanakan kertas penyelidikan ini. Semoga segala pengorbanan ini diberkati-Nya di dunia dan akhirat.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kami tujukan kepada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana dan Diploma Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal dan Awam yang sudi menjadi responden kami. Tidak lupa juga kepada kakitangan di Pejabat Akademik yang banyak membantu kami dalam mendapatkan maklumat dan juga kepada para pensyarah dan kakitangan bagi ketiga-tiga jabatan kejuruteraan yang memberi kerjasama dalam menyempurnakan soal selidik bagi menjayakan kertas penyelidikan ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kerjasama sehingga terhasilnya kertas penyelidikan ini. Semoga segala sumbangan yang diberikan ini diberkati Allah di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat pandangan dan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang merangkumi pandangan dan persepsi dari pengurusan masa, struktur organisasi, jenis dan aktiviti perkhidmatan dan mutu perkhidmatan. Seramai 269 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Semester 2 Sarjana Muda dan Diploma Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal dan Awam bagi sesi 2000/1001. Hasil kajian menunjukkan pandangan dan tindakbalas positif pelajar terhadap perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling KUiTTHO. Daripada kajian yang diperolehi, ia memberi maklumat tentang aspek-aspek penting dalam mengatur dan merancang peranan UBK dengan lebih baik di KUiTTHO bagi memenuhi perkembangan diri pelajar dan meningkatkan lagi prestasi akademik.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

The purpose of this case study is to perceive the student's perception and comment towards the programme and services of the Guidance and Counseling Unit which cover the topic of time management, organisation structure, type of services and activities and also the quality of services. 269 of students from second semester in Degree and Diploma of Electrical, Civil and Mechanical Engineering 2000/2001 session are selected to become a sample in this research. The finding of this study showed the student's positive perception and respond toward the Guidance and Counseling Unit services. The result of this study also to gain the useful information that the Guidance and Counseling Unit in KUiTTHO can use to improve their services.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGANMuka Surat

BAB	Borang Penyerahan Kajian Kes	i
	Pengesahan Penyelia	ii
	Halaman Judul	iii
	Pengakuan Penyelidik	iv
	Dedikasi	v
	Penghargaan	vi
	Abstrak	vii
	Abstract	viii
	Senarai Kandungan	ix
	Senarai Rajah	x
	Senarai Graf	xi
BAB I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Masalah	2
	Pernyataan Masalah	3
	Persoalan Kajian	3
	Objektif Kajian	3
	Kepentingan Kajian	4
	Batasan Kajian	4
	Definisi Operasional	5
	Kerangka Teori	8
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
	Pengenalan	9
	Sejarah Bimbingan dan Kaunseling	10
	Kajian Penulisan	12
	Pandangan	15

	Bimbingan	16
	Kaunseling	17
	Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	17
	Kaunselor	18
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	20
	Subjek Kajian	20
	Sampel Kajian	21
	Kerangka Operasi	22
	Validiti Alat Ukur	23
	Jadual Butiran dan Dimensi	24
	Tatacara Prosedur Kajian	29
	Penganalisan Data	29
	Andaian Kajian	30
	Limitasi Kajian	31
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pendahuluan	32
	Responden Kajian	33
	Dapatan Kajian	34
	Bahagian A	
	Latar Belakang Responden	35
	Bahagian B	36
	Pelaksanaan Perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling	
	Bahagian C	53
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	66
	Perbincangan	67
	Program Bimbingan dan Kaunseling	70
	Kesimpulan Hasil Kajian	70
	Implikasi	71

SENARAI RAJAH

- Rajah 3.1 Kerangka Operasi
- Rajah 3.2 Jadual Dimensi Item
- Rajah 4.2.1 Rumusan Demografi Responden
- Rajah 4.3.1 Dimensi Pengurusan Masa (Bahagian B)
- Rajah 4.3.2 Dimensi Jenis-jenis Perkhidmatan dan Aktiviti (Bahagian B)
- Rajah 4.3.3 Dimensi Mutu Perkhidmatan (Bahagian B)
- Rajah 4.3.4 Dimensi Struktur Organisasi (Bahagian B)
- Rajah 4.4.1 Dimensi Pengurusan Masa (Bahagian C)
- Rajah 4.4.2 Dimensi Jenis-jenis Perkhidmatan dan Aktiviti (Bahagian C)
- Rajah 4.4.3 Dimensi Mutu Perkhidmatan (Bahagian C)
- Rajah 4.4.4 Dimensi Struktur Organisasi (Bahagian C)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI GRAF

- Graf 4.3.1.1 Kaunselor Mencadangkan Tindakan Susulan
- Graf 4.3.1.2 Kaunselor Memberikan Jadual Tetap
- Graf 4.3.1.3 Cara Berurusan Dengan UBK
- Graf 4.3.2.1 Teknik Perkhidmatan Yang Digunakan Oleh UBK
- Graf 4.3.2.2 Perkhidmatan Yang Ditawarkan Oleh UBK
- Graf 4.3.2.3 Aktiviti Yang Dilaksanakan Oleh UBK KUiTTTHO
- Graf 4.3.2.4 Jumlah Ceramah dan Seminar Yang Diadakan
- Graf 4.3.2.5 Cara UBK Mengadakan Publisiti
- Graf 4.3.3.1 Kaunselor Mempunyai Kemahiran Dalam Menangani Masalah Pelajar
- Graf 4.3.3.2 Kemampuan Kaunselor Menangani Masalah Pelajar
- Graf 4.3.3.3 Kemudahan Yang Terdapat Dalam Bilik UBK
- Graf 4.3.3.4 Kaunselor Bertindak Profesional
- Graf 4.3.3.5 Responden Mengetahui Kelayakan Kaunselor
- Graf 4.3.3.6 Perkhidmatan UBK Membantu Meningkatkan Pembelajaran
- Graf 4.3.4.1 Bilangan kaunselor Mencukupi
- Graf 4.3.4.2 Kecenderungan Responden Berurusan Dengan UBK Mengikut Jantina Kaunselor
- Graf 4.3.4.3 Responden Mengetahui Penglibatan Staf Berkenaan Kerjaya Mereka
- Graf 4.4.1.1 Min Kecenderungan Responden Terhadap Pengurusan Masa UBK

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bimbingan dan kaunseling cuba membantu orang perseorangan untuk mengintegrasikan kesemua data dan sumber, untuk merangkum kesemuanya dalam rangka pemikiran yang ditentukan sendiri, menyelesaikan masalah dan mencorakkan nilai untuk kehidupan sebagai warganegara yang sempurna. Rentetan ini secara langsung dapat memperkembangkan potensi individu pelajar seterusnya seimbang dalam bidang kognitif, afektif, psikomotor dan kesempurnaan akhlak. Walaupun perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menggalakkan dari semasa ke semasa yang telah bermula secara formal sejak tahun 1963 sehinggalah sekarang. Namun keraguan dan kesangsian timbul dikalangan pelajar terhadap perkhidmatan tersebut. Mereka tidak begitu percaya kerahasiaan yang dilafazkan dalam perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling. Selain itu terdapat juga pelajar-pelajar yang masih samar mengenai apakah sebenarnya matlamat badan ini. Natijahnya, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling masih boleh disanggah keberkesanannya.

Sebenarnya, keperluan kepada PBK dibidang pendidikan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Keperluan ini berkemungkinan akibat daripada kepesatan pembangunan negara terutama perkembangan di bidang industri dan kesan daripada

urbanisasi yang lebih kompleks. Perubahan ini secara langsung telah memberi tekanan dan pengaruh persekitaran yang menjadi salah satu faktor kepada perubahan fisiologi dan psikologi pelajar.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kajian lepas menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar boleh dikategorikan kepada beberapa bidang utama iaitu bidang akademik, kerjaya, kesihatan dan psikososial.

Rocber, Smith dan Erickson (1955) telah menyenaraikan beberapa hak pelajar seperti berikut; setiap pelajar mempunyai hak untuk menggunakan penerangan yang tepat mengenai diri dan alam sekeliling, merencanakan aktivitinya di dalam suasana yang tidak bersifat kuku besi, mendapat perhatian individu dan merancang matlamat agar objektif sebenar dapat dicapai.

Pengkaji mengatakan bahawa terdapat korelasi antara perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan permasalahan pelajar di KUiTTHO yang masih boleh dipertikai keberkesanannya. Aktiviti-aktiviti yang cuba diketengahkan bagi mengenal pasti punca fenomena pelajar yang bermasalah masih tidak memberangsangkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengkaji akan mengkaji tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah pengurusan masa dilaksanakan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
2. Adakah jenis perkhidmatan dan aktiviti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memenuhi keperluan pelajar di KUiTTHO.
3. Bagaimana struktur organisasi unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memberi kepuasan kepada pelajar.
4. Bagaimanakah mutu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan senario di atas, pengkaji bertujuan mencapai objektif berikut:

1. Untuk mengetahui sama ada pengurusan masa dapat dilaksanakan secara berkesan dalam unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

- 2 Untuk mengetahui sama ada jenis perkhidmatan dan aktiviti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat memenuhi keperluan pelajar.
- 3 Untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan struktur organisasi unit perkhidmatan bimbingan dan kaunselin di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- 4 Untuk mengetahui mutu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi memenuhi keperluan pelajar dan dirasakan amat berguna sebagai bahan rujukan kepada ahli-ahli psikologi lain yang ingin membuat kajian terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara lebih mendalam. Maklumat yang diperolehi dapat membantu kaunselor dalam merancang dan mengurus kembali aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan di KUiTTHO, seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar dalam semua bidang terutamanya dalam bidang akademik.

1.6 Batasan Kajian

Subjek kajian ini hanyalah terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Ijazah Sarjana Muda tahun pertama sesi 2001/2002 di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein

Onn (KUTTHO). Pelajar-pelajar ini akan mewakili pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda yang menuntut di KUTTHO pada sesi 2001/2002.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kertas kajian ini beberapa dimensi ditakrifkan secara operasional seperti berikut:

1.7.1 Sikap

Sikap yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pendapat, kepercayaan atau tanggapan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di KUiTTHO. Sikap ini menentukan sama ada mahasiswa dan mahasiswi menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dibuktikan melalui sikap yang positif dan negatif pelajar tersebut terhadap sesuatu objek sosial.

1.7.2 Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling pula dimaksudkan sebagai segala bentuk perkhidmatan dan pertolongan atau kegiatan yang terancang, tersusun dan sistematik yang diaplikasikan di KUTTHO sama ada secara langsung atau tidak langsung.

1.7.3 Pengurusan Masa Perkhidmatan (PMK)

Pengurusan masa perkhidmatan merujuk kepada jangka masa yang diperuntukkan bagi setiap pelajar (klien) yang dibatasi oleh bilangan kaunselor dan bilangan pelajar bagi sesuatu masa.

1.7.4 Jenis-jenis Perkhidmatan

Jenis-jenis perkhidmatan meliputi khidmat nasihat dari segi kesihatan, kewangan, akademik, psikososial dan kerjaya.

1.7.5 Keberkesanan Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (PBK)

Keberkesanan PBK diukur oleh perubahan dan kepuasan klien (pelajar) hasil daripada tindakan dan aktiviti yang telah dilaksanakan.

1.7.6 Struktur Organisasi

Struktur organisasi merujuk kepada bilangan kakitangan dan susunatur sistem pentadbiran PBK.


1.7.7 Mutu Perkhidmatan

Mutu perkhidmatan merujuk kepada kakitangan yang profesional, kedudukan tempat yang selesa, bahan dan sumber maklumat yang mencukupi dan teknik-teknik perkhidmatan nasihat.




PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.8 Kerangka Teori



Kategori Pelajar :

1. Pelajar berminat untuk ke PBK.
2. Pelajar tidak ingin untuk ke PBK.
3. Pelajar dirujuk ke PBK.



BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Kajian demi kajian mengenai sikap pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah dilakukan sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri.

Walaupun perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menggalakkan sama ada diperingkat sekolah rendah, menengah dan di peringkat institusi pengajian tinggi, keraguan dan kesangsian timbul di kalangan pelajar terhadap perkhidmatan tersebut. Megat Dewa (1985) menyatakan pengaduan pelajar mengenai masalah mereka kepada guru kaunselor dianggap sebagai membuka rahsia peribadi atau rahsia keluarga yang tidak wajar diberitahu kepada orang lain. Munir Ramli (1995) melaporkan bahawa terdapat juga pelajar-pelajar yang masih samar-samar mengenai apakah sebenarnya matlamat badan ini. Apakah sebenarnya sikap pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ?

Adalah diharapkan dapatan kajian ini menjadi perencah dan formula untuk menyelesaikan masalah berkaitan pelaksanaan dan pandangan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di KUiTTTHO, demi meningkatkan prestasi akademik pelajar di KUiTTTHO.

2.2 Sejarah Bimbingan dan Kaunseling.

Bimbingan dan Kaunseling mempunyai sejarah yang aktif di Malaysia. Sejarahnya dapat dilihat melalui beberapa dasar kerajaan, permulaan kursus-kursus latihan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran adalah melalui perkembangan program-program ijazah, diploma dan sijil untuk guru-guru bimbingan dan para kaunselor.

Pada peringkat awal, bagi memulakan khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah, Kementerian Pelajaran telah mendapat bantuan daripada luar negara melalui Rancangan Colombo. Hasil daripada itu, Tuan Russel K. Machenzie dari Kanada telah datang untuk menjalankan satu kursus latihan pada tahun 1963. Tugas beliau yang utama ialah melatih kakitangan dan jabatan-jabatan negeri yang berbentuk seminar telah diadakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kakitangan ini terdiri daripada sebelas orang pengelola dan penolong pengelola sekolah yang dilantik oleh negeri masing-masing.

Pada tahun 1960, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan pekeliling yang menekankan pentingnya bimbingan vokasional serta mempunyai guru kerjaya di sekolah. Pada tahun 1969, telah diadakan kursus peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kursus ini berjalan selama enam hari dan dihadiri oleh 275 orang guru dengan kerjasama UNICEF. Di sekolah, perkhidmatan bimbingan telah bermula secara formal pada tahun 1963 di mana satu sesi bimbingan di sekolah dibahagian perancangan dan penyelidikan pelajaran (EPRD) ditubuhkan di Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1964, Kementerian Pelajaran telah mengesahkan bahawa khidmat panduan di sekolah-sekolah telah dimulakan melalui surat pekeliling KP 5209/35 (4). Antara lain kementerian mengesyorkan bahawa semua sekolah menengah dan rendah hendaklah melantik seorang guru panduannya (Abdul Latif, 1984). Empat tahun kemudian, surat pekeliling kp 5209/30(13) dan surat pekeliling Ikhtisas bil. 5/1976 dihantar kepada semua pengarah pelajaran di tiap-tiap negeri bagi menyatakan bahawa guru-guru besar diarahkan supaya memberi beberapa kemudahan asas seperti tempat yang baik dan sesuai kepada guru panduan dan kerjaya menjalankan tugasnya.

Pada hari ini perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah dikelolakan secara sistematik sama ada di peringkat sekolah atau di institusi pengajian tinggi. Di peringkat negeri, Kementerian Pendidikan telah melantik pegawai bimbingan negeri untuk tiap-tiap negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan.

2.3 Kajian Penulisan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ditanggapi dengan sikap yang berbeza-beza di antara individu seperti yang ditunjukkan dalam beberapa kajian yang telah dijalankan.

Zaimah (1975) mendapati melalui kajiannya, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah penting dirasakan oleh penuntut-penuntut di maktab rendah sains MARA. Pendapat yang dikemukakan oleh Zaimah ini hampir sama dengan dapatan yang diutarakan oleh Mohd Sani (1982) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar di sekolah luar bandar yang dikajinya, 81.42 % menyokong perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Hanya 18.58 % sahaja yang tidak menyokong. Mengenai sekolah dalam bandar yang dikaji oleh Mohamad Soder (1985) didapati tidak terdapat perbezaan sikap yang nyata di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Wan Nor Kamariah (1981) telah menjalankan kajian untuk melihat masalah penyesuaian dengan keluarga, emosi, sosial dan kerjaya dikalangan remaja di tiga jenis sekolah iaitu sekolah menengah asrama penuh, sekolah menengah biasa dan sekolah swasta. Hasilnya didapati remaja di ketiga-tiga jenis sekolah menghadapi masalah penyesuaian di dalam semua aspek yang dikaji. Mereka juga menghadapi masalah penyesuaian diri dengan jantina dan masalah kerjaya. Beliau juga telah memetik pandangan Hassan Langgulong (1975) yang menyatakan bahawa kaum remaja di

Malaysia menghadapi masalah yang berkaitan dengan persekolahan, peribadi, kerjaya dan keluarga.

Awang Mat Ali (1978) mendapati dalam kajiannya, pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai sikap negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Mereka berasa pusat-pusat ini tidak menguntungkan mereka dan mereka lebih suka mengadu masalah yang dihadapi kepada rakan-rakan.

Noriah (1983) telah menjalankan kajian untuk melihat persepsi pelajar terhadap kaunselor. Hasil daripada kajian, beliau mendapati kebanyakan pelajar mengetahui bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terdapat di sekolah mereka. Namun bilangan yang bersedia untuk bertemu dengan kaunselor adalah rendah. Kebanyakan pelajar sukakan kaunselor yang mempunyai personaliti yang baik, kaunselor dari jantina dan etnik yang sama serta kaunselor yang berperwatakan matang dan yang telah merialisasikan rumahtangga.

Selain pengkaji-pengkaji tempatan, terdapat juga pengkaji-pengkaji barat yang membuat kajian mengenai sikap pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Arbucklo (1970) menyatakan terdapat komen-komen yang berbentuk positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Derksen (1922) dan Jansen (1955) membuat kajian ditujuh buah sekolah tinggi di Amerika Syarikat, mendapati para

pelajar telah menyeneraikan kaunselor-kaunselor bersama dengan ibu bapa mereka sebagai sumber utama bagi mereka mendapatkan bantuan dan nasihat apabila menghadapi masalah.

Warman (1960) yang mengkaji mengenai perkhidmatan kaunseling berpendapat perkhidmatan ini hanya sesuai pada kaunseling pendidikan dan vokasional. Masalah peribadi tidak seharusnya menjadi satu fungsi perkhidmatan tersebut. Pendapat yang sama juga didapati sebelumnya melalui kajian Resnich dan Galso (1954) yang memilih pelajar dan pensyarah sebagai subjek dalam kajiannya melaporkan bahawa perkhidmatan kaunseling lebih sesuai dijalankan dalam menyelesaikan masalah-masalah kerjaya dan bukan soal peribadi.

Sikap positif pelajar-pelajar juga dapat dilihat dari hasil kajian Smith (1974). Pelajar yang bermasalah akan menemui kaunselor profesional dan seagama bagi menyelesaikan masalah peribadi dan sosial mereka. Pelajar juga cenderung untuk menemui kaunselor yang sejenis dengannya. Maksudnya klien perempuan akan lebih selesa menemui kaunselor wanita. Pernyataan ini diperkuatkan lagi oleh Simons dan Helms (1976) dengan kajian mereka ke atas sekumpulan pelajar wanita yang menuntut di sebuah kolej, lebih cenderung untuk menunjukkan masalah mereka kepada kaunselor wanita.

2.4 Pandangan

Dari sudut kognitif, sikap bermaksud kepercayaan atau pendapat mengenai benda atau objek. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, mentakrifkan sikap sebagai perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat. Menurut Ajzen dan Fishbin (1977), sikap seseorang terhadap objek mempengaruhi keseluruhan pola-pola gerakbalasnya terhadap objek itu, tetapi kita tidak meramalkan sebarang tindakan yang akan diambil oleh seseorang terhadap objek itu. Positif atau negatif sikap seseorang itu adalah bergantung kepada penerimaannya terhadap subjek yang akan dihadapi oleh mereka.

Hassan (1983) menyebut bahawa pandangan adalah perkara-perkara yang dipelajari dan diperolehi. Dalam konteks ini persekitaran sosial banyak memainkan peranan penting. Begitu juga berbagai-bagai unsur budaya yang melingkungi kita dimana terkandung kepercayaan, ideal ideologi, cara berfikir, gaya hidup yang berbeza mengikut tempat dan waktu.

Davidoff (1976) mentafsirkan pandangan sebagai satu konsep yang dipelajari dapat membantu fikiran, perasaan dan tingkah laku terhadap suatu objek seperti orang, sekumpulan orang, sebuah polisi, suatu peristiwa atau suatu perkara yang berkaitan.

Dengan ini pengkaji membuat kesimpulan bahawa pandangan merupakan satu konsep yang luas maknanya Ia merangkumi pendapat dan kepercayaan individu

terhadap sesuatu yang mempengaruhi tingkah lakunya. Positif atau negatif sesuatu pandangan itu bergantung kepada objek atau subjek yang dihadapinya.

2.5 Bimbingan

Bimbingan menurut Shertzer dan Stone (1974), adalah sebagai proses menolong individu memahami dirinya dan dunianya. Mengikut Amir Awang (1981) pula, bimbingan ditakrifkan sebagai satu set perkhidmatan yang paling berkaitan yang diberikan oleh guru bimbingan atau kaunselor pelajar kepada klien atau individu yang memerlukan bimbingan agar perkembangannya tidak tersekat (*fixted*) atau tertahan (*inhibited*). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, bimbingan lebih merupakan suatu perkhidmatan yang mengambil bentuk proses, yakni seseorang yang menghendaki bimbingan ke arah kestabilan. Dalam senario ini ada sesuatu yang tidak kena dalam dirinya yang perlu diperbaiki secara profesional.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa bimbingan ialah proses ikhtisas bersistem untuk menolong orang perseorangan melalui aturan-aturan didikan dan tafsiran untuk memperoleh fahaman yang lebih baik tentang sifat tabiinya dan keupayaannya sendiri serta menghubungkan dirinya dengan lebih memuaskan lagi kepada kehendak-kehendak masyarakat dan peluang yang bersesuaian dengan nilai kemasyarakatan dan kesusilaan.

2.6 Kaunseling

Kaunseling dapatlah didefinisikan sebagai suatu proses interaksi yang memberikan kemudahan atau galakan pemahaman yang bermakna berhubung dengan diri dan persekitaran. Keadaan ini seterusnya menghasilkan pembentukan atau pengolahan matlamat dan nilai untuk perlakuan masa hadapan.

Menurut Shertzer dan stones (1974), kaunseling merupakan proses interaksi yang memberi kefahaman bermakna mengenai diri dan persekitaran seterusnya menghasilkan atau menjalankan matlamat dan nilai-nilai untuk tingkah laku yang akan datang kelak.

Steffler dan Hacheny (1981) mentakrifkan bahawa kaunseling merupakan proses yang berorientasikan pembelajaran dimana dijalankan dalam persekitaran yang mudah dan dalam situasi seorang kaunselor yang profesional, cekap, mempunyai kemahiran-kemahiran serta pengetahuan psikologi agar dapat membantu kliennya untuk mempelajari dan mengenali dirinya dengan lebih baik lagi.

2.7 Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ialah satu proses untuk menolong atau membantu seseorang menghadapi, memahami dan menerima keterangan mengenai dirinya dan interaksinya dengan individu-individu lain supaya dengan cara ini ianya

boleh membantu penyelesaian-penyelesaian yang berkesan terhadap berbagai-bagai masalah dalam hidupnya.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan perkhidmatan untuk memperkembangkan potensi individu. Pada dasarnya kaunselor berusaha untuk membina dan mengukuhkan pertumbuhan psikologikal yang sihat dengan menggalakkan penerokaan diri secara objektif. Kroth (1973) menyimpulkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah termasuk merancang program bimbingan, mengadakan kaunseling, sebagai koodinator, mengadakan penilaian dan pentafsiran serta memberi perkhidmatan nasihat kepada guru-guru dan pentadbir.



2.8

Kaunselor

Kaunselor yang berkesan ialah kaunselor yang dapat menjalankan tugas dengan jujur, amanah, berdisiplin dan mempunyai kewibawaan serta ketinggian akhlak. Nur Aini (1989) menyatakan bahawa ciri personaliti kaunselor akan mempengaruhi sesuatu proses bimbingan dan kaunseling itu. Kaunselor harus mempunyai ciri-ciri seperti jujur, tulen, ikhlas, hormat, empati, menerima tanpa syarat, mesra dan senang didampingi. Ciri-ciri ini boleh mewujudkan suasana yang selamat dan selesa di dalam interaksi antara klien dengan kaunselor. Menurut Azhari (1985), beliau mendapati aspek-aspek umur kaunselor, tempoh pengalaman sebagai guru dan kaunselor, jenis latihan yang

diterimanya akan mempengaruhi keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dari itu pengkaji berpendapat usaha-usaha melengkapai kelayakan seseorang kaunselor wajar diberikan keutamaan yang sama.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Kajian yang dibuat adalah merupakan tinjauan mengenai penilaian dan pandangan pelajar tentang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di KUiTTHO. Bagi maksud itu, beberapa dimensi yang mempengaruhi perkhidmatan ini akan diambil kira. Antaranya termasuklah pengurusan masa, jenis perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan, struktur organisasi dan mutu perkhidmatan. Bab ini seterusnya akan menerangkan metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan dalam kajian ini

3.1 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi tahun pertama bagi semester kedua di KUiTTHO. Kajian ini akan difokuskan kepada pelajar Ijazah Sarjana


Muda dan Diploma Kejuruteraan bagi tiga program kursus utama iaitu Awam, Mekanikal dan Elektrikal. Pemilihan subjek kajian ini adalah untuk mendapat reaksi pelajar baru semasa di semester pertama terhadap Perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling di KUiTTHO. Namun kajian ini tidak meliputi pelajar Sarjana kerana pada peringkat ini kebanyakan pelajar Sarjana telah mencapai tahap kematangan termasuk dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Bilangan responden akan diperolehi dari unit Hal Ehwal Pelajar KUiTTHO. Dapatan maklumat ini akan memantapkan lagi tahap kesahan dan kebolehpercayaan kepada pengkaji untuk membuktikan pernyataan masalah ini tidak berlaku bias.

3.2 Sampel Kajian

Penyelidik cuba melihat penilaian dan pandangan pelajar terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di KUiTTHO kerana perkhidmatan ini amat penting dalam membantu menyelesaikan masalah pelajar dan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan sedia ada Unit Bimbingan dan Kaunseling di KUiTTHO. Pemilihan sampel adalah berpandukan kepada jadual penetapan bilangan populasi dan sampel kajian (Kiejcic, R.V. & Morgan, D.W., 1981). Maka pengkaji mendapati dengan populasi yang berjumlah 900 orang, maka bilangan sampel yang perlu di ambil oleh pengkaji adalah seramai 269 responden. Pengkaji akan memilih sampel secara rawak berdasarkan jumlah responden yang telah ditetapkan. Pemilihan sampel ini akan mewakili keseluruhan populasi yang ingin di kaji. Menurut Majid Konting (1993) saiz kurang penting tetapi ianya mestilah mampu mewakili populasi serta jika ketiadaan sisihan piawai dan nilai perbezaan, saiz sampel yang digalakkan adalah melebihi 30 unit kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit.

3.3 Kerangka Operasi

Kerangka operasi adalah berdasarkan kepada gambarajah di bawah:



Rajah 3.1 : Kerangka Operasi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik mengenai penilaian dan pandangan pelajar KUiTTHO terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Menurut Mohamad Najib (1993), dengan menggunakan instrumen soal selidik unsur-unsur penipuan jarang berlaku jika dibandingkan dengan kaedah temubual. Kenyataan ini mempunyai kaitan bahawa maklumat yang diberikan oleh mana-mana responden yang dipilih adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh tindakan penyelidik. Soal selidik tersebut mengandungi 41 item yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian latar belakang responden (Bahagian A), bahagian pernyataan yang merangkumi pengurusan masa, jenis-jenis perkhidmatan dan aktiviti, struktur organisasi, mutu perkhidmatan serta perbezaan sikap antara lelaki dan perempuan (Bahagian B) dan bahagian cetusan idea pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Bahagian C). Kenyataan-kenyataan dalam soalan ini adalah sesuai untuk menguji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

3.4 Validiti Alat Ukur Kajian

Validiti adalah bermaksud sejauh mana sesuatu ujian itu mengukur apa yang sebenarnya ingin diukur. Bagi memastikan alat ukur ini valid, soal selidik telah diserahkan kepada penyelia projek untuk disemak dari segi kandungan (content validity). Pengkaji juga telah meminta jasa baik pensyarah agar memberikan pandangan untuk memperkukuhkan lagi instrumen dan dapatan kajian kelak.

Jadual Butiran Item dan Dimensi

Dimensi / item	Bahagian	No. Soalan	Tujuan
Latar Belakang Responden	(A) Butiran Responden	1, 2, 3	Mengetahui jantina dan kursus pelajar dan penyertaan pelajar dalam perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling
Pengurusan Masa	(B) Penilaian	1, 2, 3	Mengetahui pengurusan masa yang sesuai digunakan untuk memenuhi keperluan pelajar.
	(C) Pandangan	1, 2, 3	Mengenal pasti bentuk pengurusan masa yang menjadi pilihan pelajar
Jenis-jenis perkhidmatan dan aktiviti	(B) Penilaian	4, 5, 6, 7, 8	Mengetahui perkhidmatan dan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling KUiTTHO telah dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.
	(C) Pandangan	4, 5, 6, 7, 8	Mengenal pasti corak perkhidmatan dan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling KUiTTHO dapat memenuhi keperluan pelajar.
Struktur Organisasi	(B) Penilaian	16, 17, 18, 19	Mengatur struktur organisasi Bimbingan dan Kaunseling yang sedia ada dapat memenuhi keperluan dan kepuasan pelajar.

BIBLIOGRAFI

Amir Awang, (1981). "Perhubungan Menolong Proses dan Kemahiran-Kemahiran. (Terjemahan)". Pulau Pinang: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Halim, (1984). "Kaunseling dan Kerjaya". Kuala Lumpur: Pendita.

Arbuckle D.S. , (1970). "Caunselling : Philisophy, Theory and Practices". 2nd. Ed:inc.
Boston. Allyn & Bacon

Arthur, P. L. and Aminah Hj. Hashim, (1987) . "Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia". Dewan Bahasa dan Pustaka : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ee Ah Meng, (1999) . "Bimbingan dan Kaunseling 1" . Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Krejcie, R. V. and Morgan, D.W. (1970) . "Educational and Psychological Measurement". New York : Freeman.

Mohd Sheffie Abu Bakar, (1991). " Metodologi Penyelidikan ". Edisi Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin, (1988). "Psikologi Remaja".
Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Mohd. Majid Konting, (1990). "Kaedah penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar, (1999) ." Penyelidikan Pendidikan": Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor Baharu.

Shertzer, S. , (1970). "Fundamental of Guidance". Boston. Houghton & Mifflin.

Suardi Salim, (1996) ." Bimbingan dan Kaunseling". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Truax, C. B. and Carkhuff, R. T. (1967). "Toward Effective Caunseling and Psychotheraohy, Training and Practive" . Chicago : Aldine.

Zahari Ahmad, (1987) ." Bimbingan dan Kaunseling di sekolah". Kuala Lumpur : fajar Bakti.

Jurnal

Bendict, A.R. Aspler and Morrison (1977). "Student View Of Their Caunselling Needs and Caunselling Services." Journal of college student personel. hlm 50-67 (7).

Gladstein, G.A. Client Expectation. "Caunselling services, experience and satisfaction." Journal of counselling Psychology. 1969, hlm 16 (6).

Kementerian Pendidikan Malaysia, (ogos 1988). "Jurnal Berita bimbingan dan Kaunseling." Kuala Lumpur : hlm 16-25 (6).

Kementerian Pendidikan Malaysia, (Jan 1993). "Jurnal Berita Bimbingan dan Kaunseling." Kuala Lumpur :hlm 19-39 (25).

Kementerian Pendidikan Malaysia (Jun 1990). "Jurnal Berita Bimbingan dan Kaunseling." Kuala Lumpur :hlm 20-35 (10).

Nur Aini Md. Yaman (1989). " Teknik-Teknik Kaunseling Ditinjau dari Perspektif Islam". Jurnal Pendidikan Guru : hlm 23-29 (5).

Kajian Ilmiah

Mohd Seni Hussin, (1981/82). "Kajian Sikap Pelajar Terhadap Bimbingan Kerjaya".

Kajian kes di sebuah sekolah luar bandar di Selangor. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Soder Rahmat, (1984/85). "Kajian Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan

Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah". Projek untuk memenuhi syarat-syarat

bagi ijazah Bachelor Pendidikan. Serdang Selangor. Universiti Pertanian Malaysia.

Noriah Ibrahim (1983). "Persepsi Pelajar terhadap Kaunselor dan Kesannya ke Atas

Minat Mereka Untuk Memenuhi Kaunselor". Universiti Kebangsaan Malaysia.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH